

16 AUG 2002

Mahathir-Bunyamin

BUNYAMIN BERSEMBUNYI KERANA BERSALAH, KATA DR MAHATNIR

KUALA TERENGANU, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bekas anggota Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, yang mendakwa beliau menonton video lucu bersama cucunya, kini menyembunyikan diri bagi mengelak memberi kenyataan kepada polis dan ini menunjukkan dia bersalah.

Perdana Menteri berkata Bunyamin yang berdosa besar kerana membuat fitnah itu, sedar mengenai pembohongan yang dilakukannya itu hingga terpaksa bersembunyi.

"Sekarang jelas sekali dia melempar fitnah dan dia dah lari. Sekarang dia disuruh serah diri.

"Tetapi serah diri atau tak serah diri, hakikatnya ialah dia lari, dia lari bermakna dia salah," katanya pada sidang media di sini hari ini sempena lawatan rasmi seharusnya ke Terengganu.

Bunyamin, 56, ketika berceramah politik pada 15 Mac lepas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan di Pengkalan Chepa, Kelantan, mendakwa kononnya Dr Mahathir dan cucunya menonton video lucu.

Petikan ceramahnya itu disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia baru-baru ini dan susulan daripada itu, tiga aduan polis dibuat di sini, Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Rabu lepas, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani berkata polis gagal mendapatkan keterangan daripada Bunyamin yang dipercayai sudah menghilangkan diri dan berada di negeri lain.

Semalam, Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Bunyamin tampil secara sukarela untuk memberi kenyataan bagi membantu siasatan polis.

Dr Mahathir berkata Bunyamin perlu bertanggungjawab terhadap tuduhannya itu dengan mengemukakan bukti dan bukannya hanya berani menghasut rakyat untuk membencinya.

"Kita nak tahu apa bukti dia boleh buat dakwaan begitu sekali lantang, bukan main sombong lagi menuduh Perdana Menteri melihat gambar lucu dengan cucunya. Ingat saya manusia jenis apa?" katanya.

Yang turut dikesali, kata Perdana Menteri, ialah melalui tayangan rakaman video mengenai ucapan Bunyamin itu, diperhatikan mereka yang menghadiri ceramah politik itu seolah-olah percaya dengan tuduhan yang tidak munasabah itu.

"Demikianlah berjaya Pas menghasut dan membentuk pemikiran pengikut dia sehingga mereka ini tak boleh dengar kebenaran. Mereka akan dengar pemimpin mereka sahaja, kalau pemimpin kata putih, putihlah, jikalau kata hitam, hitamlah," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya semasa majlis pemimpin bersama rakyat, Perdana Menteri berkata Bunyamin tidak sepatutnya melarikan diri sekiranya mengakui berjuang dengan Pas yang kononnya sebuah parti Islam yang sentiasa bercakap benar.

"Apakah sebab orang yang mendakwa dirinya orang Islam dan anggota parti Islam sanggup melempar fitnah yang dilarang keras oleh agama Islam hingga fitnah dianggap sebagai lebih bahaya daripada membunuh. Orang yang semacam Bunyamin ini hanya terdapat dalam Pas...dalam Umno tak ada," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin Pas bukan sahaja gagal menghentikan fitnah terhadap pemimpin kerajaan pusat sebaliknya menggalakkan perbuatan itu melalui perkembangan akhir-akhir ini termasuk memfitnah Tuhan sebagai mencarut dan samseng.

"Tetapi Nik Aziz dan kawan-kawannya melemparkan fitnah berleluasa, tak

kira sama ada ia benar atau tidak. Sebab itu Bunyamin bercerita dengan beraninya, cukup berani di hadapan orang Pas termasuk perempuan bahawa kononnya saya lihat gambar lucah dengan cucu saya," katanya.

Beliau berkata fitnah itu terus berkembang apabila Pas pula mencetak rakaman video ceramah itu untuk diedarkan di kalangan penyokong Pas dan penduduk kampung.

-- BERNAMA

RAR SN MAI